



SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

PERLINDUNGAN KANAK KANAK ATAS TALIAN (*CHILD ONLINE PROTECTION*): CADANGAN MALAYSIA MENDAPAT PERHATIAN ASEAN

KUALA LUMPUR, 2 OKTOBER - Cadangan Malaysia mengenai kepentingan perlindungan kanak-kanak atas talian (*child online protection*) yang telah dibentangkan oleh YB Dato' Sri Rohani Abdul Karim semasa Mesyuarat Peringkat Menteri Kebajikan dan Pembangunan Sosial ASEAN (AMMSWD) Ke-9 dan Mesyuarat AMMSWD+3 Ke-5 yang diadakan pada 29 dan 30 September 2016 bertempat di Hotel Borobudur, Jakarta, Indonesia telah menarik perhatian Menteri-menteri ASEAN.

Semasa pembentangan tersebut, mesyuarat telah menyarankan agar Sekretariat ASEAN bekerjasama dengan WEProtect dan organisasi lain yang berkaitan, bagi meneroka peluang untuk inisiatif bersama dalam bidang berkenaan. Mesyuarat yang telah dipengerusikan oleh Khofifah Indar Parawansa, Menteri Sosial Republik Indonesia turut sebulat suara bersetuju agar Sekretariat ASEAN menjadi "*focal point*" kepada pembangunan pelan tindakan regional mengenai warga emas dan juga pembangunan pangkalan data bagi pelaksanaan rangka kerja strategik mengenai kebajikan sosial dan pembangunan 2016 - 2020.

Di dalam AMMSWD+3, kesemua negara ASEAN menyampaikan penghargaan kepada negara Jepun, China dan Republik Korea di atas kerjasama yang telah diberikan dan berharap agar kerjasama sedemikian dapat diteruskan. Di akhir kedua-dua mesyuarat, Kenyataan Bersama (Joint Statement) 9th AMMSWD dan 5th AMMSWD+3 telah dipertimbangkan dan diterima pakai. Mesyuarat seterusnya akan diadakan pada tahun 2019 di Republik Demokratik Rakyat Laos.

####

Disediakan oleh:

- ❖ Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Pembangunan Wanita,
Keluarga dan Masyarakat
Aras 35, No. 55, Persiaran Perdana,
Presint 4, 62100 Putrajaya.
No.Telefon: 03-8323 1087
No.Faks : 03-8323 2012
E-mel : info@kpwkm.gov.my

ADUAN KRISIS MASYARAKAT
TALIAN Kasih
15999



<http://www.kpwkm.gov.my>



<https://www.facebook.com/kpwkm>



<https://twitter.com/KPWKM>



<https://www.instagram.com/kpwkm>



<https://www.youtube.com/user/KPWKMINFO>